

# UMS perkenal dua buku

NST 27.3.2014 5

KOTA KINABALU: Program Wacana Buku Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diadakan di ruang Megalab, Perpustakaan UMS, kelmarin bertujuan memperkenalkan dan menerangkan dua buku yang diterbitkan oleh pihak universiti terbabit.

Buku itu bertajuk "Arkeologi Maritim Borneo: Kajian di Tanjung Simpang Mengayau" yang diterbitkan oleh UMS pada tahun 2009 dan "Bajau Pantai Timur" terbitan ITBM-UMS pada tahun 2012.

Pensyarah Kanan di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa UMS, Dr Mohd Sohaimi Esa berkata, buku Arkeologi Maritim Borneo" disunting oleh Bazzley Bee Basrah dan Bilcher Bala mengandungi 188 halaman hasil beberapa siri kajian yang dilakukan di perairan antara daerah Kudat dan daerah kecil Matunggong, Sabah dan lebih tertumpu di perairan Tanjung Simpang Mengayau Kudat.

"Bidang kajian yang terlibat dalam kajian ini ialah arkeologi bawah air iaitu dengan menggunakan pendekatan Arkeologi Maritim, Sains Samudera, Geografi dan Sejarah.

"Dalam mengkaji buku ini, kita tidak hanya melihat kepada satu aspek sahaja seperti Zaman Kesultanan Sulu dan Kesultanan Brunei, tetapi juga meneliti kesinambungan tentang penemuan barangan asli hasil perdagangan dengan China pada awal zaman Dinasti Sung dan Dinasti Tang," katanya ketika berucap mengulas buku tersebut, di Perpustakaan UMS, di sini, kelmarin.

Selain itu katanya, buku itu juga mampu memberi panduan kepada para pembaca di semua peringkat umur dan lapisan masyarakat dalam usaha pemeliharaan, perlindungan dan pemuliharaan warisan budaya negara khususnya di Sabah.

Sementara itu Pensyarah Sekolah Sains Sosial UMS Prof. Madya Dr Gusni Saat berkata, buku "Bajau Pantai Timur" diterbitkan untuk merungkai dan menjelaskan beberapa aspek berkaitan etnik Bajau Pantai Timur yang kurang dikenali oleh masyarakat di negeri ini kerana merangkumi kepelbagaian slang bahasa, adat-istiadat, adat resam dan pakaian tradisi.



TERTARIK... Dr Mohd Sohaimi (tengah) dan Prof Madya Dr Gusni sedang menarangkan serba sedikit tentang buku tersebut kepada para pelajar.

"Buku ini diterbitkan dengan mengkaji isu yang berkaitan identiti etnik, proses kitaran hidup, warisan budaya, kegiatan ekonomi, sistem pengangkutan air, pendidikan dan sosio-budaya, dan politik serta pentadbiran etnik

tersebut," katanya.

Buku itu mempunyai 189 halaman dan disunting oleh Md. Saffie Abd Rahim, Ramzah Dabul dan Sabihah Osman. **-OLEH FITRIANI RAMLI**